

Terbang tujuh kali seminggu

Malaysia Airlines kini sambung semula penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Chengdu

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia Airlines kini menyambung semula penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Chengdu, China.

Penerbangan sulung MH526 yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 ke Lapangan Terbang Antarabangsa Chengdu Tianfu pada 9 Januari lalu.

Sebagai penghargaan kepada populariti kelab bola sepak Manchester United dalam kalangan peminat di Chengdu, penerbangan itu dikendalikan menggunakan pesawat memaparkan *livery* khas Manchester United.

Malaysia Airlines menerusi kenyataan berkata, acara pelepasan khas turut diadakan dengan penumpang disambut menerusi layanan Hospitaliti Malaysia serta menerima cen-



IBRAHIM (dua dari kiri), Aresandiran (tengah) dan Sagar Sanjay (dua dari kanan) pada majlis pelepasan penerbangan Malaysia Airlines ke Chengdu di KLIA pada 9 Januari lalu.

deramata eksklusif Malaysia Airlines.

"Dengan penambahan Chengdu, Malaysia Airlines kini mengendalikan penerbangan ke tujuh destinasi di *Greater China*, mencer-

minkan keyakinan berterusan syarikat terhadap pasaran berkenaan.

"Laluan ini beroperasi sehingga tujuh kali seminggu dan dijangka merangsang perjalanan dua hala selain

memperkuh hubungan perniagaan dan pelancongan," katanya.

Majlis turut dihadiri wakil Malaysia Aviation Group (MAG) termasuk Ketua Pegawai Eksekutif MAG Cu-

linary Solutions, Sagar Sanjay Dighe; Ketua Pegawai Komersial Perniagaan Penerbangan, Derseni Aresandiran serta Ketua Pegawai Operasi AeroDarat Services, Ibrahim Mohd

Salleh.

Malaysia Airlines berkata, penerbangan ini juga menawarkan sambungan lancar melalui Kuala Lumpur ke destinasi lain di ASEAN, Asia Selatan dan Australasia, sekali gus mengukuhkan peranan KLIA sebagai hab penerbangan serantau.

Penyambungan semula laluan ini dilihat selari dengan lanjutan perjanjian perjalanan bebas visa antara negara Malaysia dan China.

Ia membolehkan tempoh lawatan lebih lama serta menggalakkan aliran pelancongan yang lebih tinggi antara kedua-dua negara.

Dalam perkembangan berkaitan, langkah ini turut mencerminkan kukuh hubungan Malaysia-China dalam keseluruhan ekosistem MAG.

Ia susulan operasi khas MAskargo baru-baru ini yang mengangkut pasangan panda gergasi baharu dari Chengdu ke Kuala Lumpur di bawah perjanjian pemuliharaan dua hala yang diperbaharui.